



SIARAN MEDIA

UDA MEMACU INDUSTRI PENGURUSAN FASILITI MENERUSI JALINAN KERJASAMA DENGAN MARA INC.

KUALA LUMPUR, 21 Februari 2023 – UDA Holdings Berhad (UDA) peneraju pembangunan hartanah dan pengurusan aset merangkumi pelaburan dan pengurusan harta, hospitaliti serta pengurusan fasiliti menerusi anak syarikat UDA Dayaurus Sdn Bhd (UDSB) menandatangani terma induk dengan MARA Incorporated Sdn Bhd (MARA Inc.), hari ini.

Jalinan kerjasama itu adalah langkah strategik UDA dalam mengembangkan cabang perniagaan pengurusan fasiliti dengan menawarkan perkhidmatan bersepadu di pelbagai aset MARA di bawah seliaan MARA Inc.

Datuk Sr Mohd. Salem, Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif UDA berkata, “Jalinan kerjasama antara UDSB dan MARA Inc. ini adalah strategi UDA untuk memacu perniagaan pengurusan fasiliti menerusi tiga tunggak utama iaitu pengurusan fasiliti bersepadu, perkhidmatan perundingan pengurusan fasiliti dan audit fasiliti. Langkah proaktif ini juga selari dengan salah satu pembolehdaya strategik iaitu Pemerkasaan Pengurusan Projek Strategik yang merupakan enjin penggerak dalam kelancaran agenda negara, Malaysia MADANI.

“UDA selaku peneraju perkhidmatan pengurusan fasiliti yang berpengalaman luas selama 42 tahun, yakin mampu mempertingkatkan mutu bangunan MARA serta memberi nilai tambah menerusi perkhidmatan berkualiti tinggi seperti pelaksanaan inisiatif penjimatan tenaga (*energy saving*) dan Kontrak Prestasi Tenaga (*Energy Performance Contract - EPC*).

“Dalam Rancangan Malaysia Ke-12, dijangkakan tenaga boleh diperbaharui (*Renewable Energy - RE*) akan menyumbang sebanyak 31% daripada jumlah kapasiti tenaga Malaysia menjelang 2025. Melihat kepada peningkatan ini, UDA juga optimis untuk terus memanfaatkan kepakaran UDSB dalam industri pengurusan fasiliti dengan meneroka peluang baharu seperti tenaga solar (RE), EPC dan sistem bangunan pintar (*smart building solutions*). Inisiatif tersebut seiring dengan penjenamaan baharu UDA iaitu ‘LIFE’ yang memfokuskan kepada *sustainability* atau kelangsungan serta kelestarian dalam kehidupan,” kata beliau ketika di Majlis Menandatangani Terma Induk antara UDSB dengan MARA Inc. yang berlangsung di Ibu Pejabat UDA.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Encik Hasnizi Pauzi, Ketua Pegawai Operasi Pengurusan Fasiliti UDA dan Encik Faizul Idzhar Ahmad Yazid, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MARA Inc. serta disaksikan oleh Datuk Sr Mohd. Salem Kailany, Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif UDA dan Dato' Julainie Mohd Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MARA Corporation Sdn Bhd.

Terma induk tersebut adalah kerjasama pertama antara UDSB dan MARA Inc. Pihak UDA juga berhasrat untuk bekerjasama secara terus dengan MARA Inc atau syarikat berkaitan bagi terus merencanakan industri pengurusan fasiliti di Malaysia.

TAMAT

UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA) yang dulu dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Bandar (Urban Development Authority) telah ditubuhkan pada tahun 1971, kini merupakan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Setelah lima dekad, UDA terus komited dalam mencorakkan, membentuk serta memodenkan bandar-bandar utama di Malaysia.

Kini, UDA adalah salah sebuah organisasi yang berdaya saing dan mampan di Malaysia dengan memfokuskan pada empat perniagaan teras iaitu hartanah (UDA Property), pelaburan dan pengurusan harta (UDA Property Investment & Management), hospitaliti (UDA Hospitality) dan pengurusan fasiliti (UDA Facility Management).

UDA turut konsisten bekerja keras bagi memenuhi misi memberikan produk dengan nilai terbaik seterusnya kekal mampan dengan menerapkan ciri-ciri 'Life' iaitu *Legacy* (Legasi), *Integrated* (Integrasi), *Finesse* (Ketelitian) dan *Enrich* (Memperkasa) sebagai tunggak utama bagi semua rangkaian perniagaan UDA di seluruh Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.uda.com.my. Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Nor Hanisah Kamaruzaman (Nisa) | n.hanisah@udanet.com | +6013 597 4264
Mohamad Haziq Radhwan Mohd Yusoff | haziq.radhwan@udanet.com | +6011 2412 0907

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur
Tel: +603 2730 8500 | Fax: +603 2731 2855

“MEMPERKASA GAYA HIDUP LESTARI”